



Maybank

MALAYAN BANKING BERHAD

(No. Syarikat 3813-K)

(Diperbadankan di Malaysia di bawah Ordinan Syarikat, 1940-1946)

NOTIS TARIKH PENUTUPAN BUKU UNTUK DIVIDEN TUNAI AKHIR (“SEBAGAIMANA DIDEFINISIKAN DI SINI”) BAGI TEMPOH 6-BULAN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011 DAN TARIKH-TARIKH UTAMA LAIN UNTUK PELAN PELABURAN SEMULA DIVIDEN

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA Rekod Pendeposit bagi saham-saham biasa Malayan Banking Berhad (“**Maybank**”) akan ditutup pada jam 5.00 petang pada 2 Mei 2012 (“**Tarikh Kelayakan**”) untuk menentukan kelayakan pemegang-pemegang saham bagi dividen tunai akhir sebanyak RM0.36 setiap saham biasa bernilai RM1.00 sesaham yang dipegang dalam Maybank (“**Saham Maybank**”) tolak 25% cukai bagi tempoh 6-bulan kewangan berakhir 31 Disember 2011, yang mana telah diluluskan oleh pemegang-pemegang saham Maybank di mesyuarat agung tahunan yang berlangsung pada 29 Mac 2012 (“**Dividen Tunai Akhir**”).

DAN BAHAWA pemegang-pemegang saham Maybank layak untuk Dividen Tunai Akhir hanya apabila:

- Saham Maybank didepositkan ke dalam Akaun Sekuriti Pendeposit sebelum jam 12.30 tengahari pada 27 April 2012 (bagi saham-saham yang dikecualikan daripada deposit mandatori);
- Saham Maybank dipindahkan ke Akaun Sekuriti Pendeposit bagi pindahan biasa sebelum jam 4.00 petang pada 2 Mei 2012; dan
- Saham Maybank dibeli termasuk asas kelayakan di Bursa Malaysia Securities Berhad (“**Bursa Securities**”) berdasarkan peraturan-peraturan Bursa Securities (iaitu sebelum jam 5.00 petang pada 26 April 2012).

DENGAN INI JUGA DIMAKLUMKAN BAHAWA pelan pelaburan semula dividen (“**DRP**”) yang boleh dipilih dan berulang yang membenarkan pemegang-pemegang saham Maybank untuk melabur semula dividen tunai mereka ke dalam Saham Maybank baru diguna pakai untuk pembayaran Dividen Tunai Akhir, di mana bahagian boleh pilih kasar daripada Dividen Tunai Akhir adalah RM0.32 (RM0.24 bersih selepas ditolak cukai) bagi setiap Saham Maybank yang dipegang tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di dalam dokumen dan borang **DRP** yang berkaitan yang akan dihantar kepada pemegang-pemegang saham yang layak dua (2) hari pasaran selepas Tarikh Kelayakan (iaitu menjelang 4 Mei 2012).

Tarikh tutup untuk mengambil bahagian dalam **DRP** bagi Dividen Tunai Akhir disasarkan pada 18 Mei 2012. Harga terbitan Saham Maybank baru yang akan diterbitkan sehubungan dengan **DRP** bagi Dividen Tunai Akhir telah ditetapkan pada RM8.00 bagi setiap Saham Maybank baru (“**Harga Terbitan**”). Harga Terbitan ini berdasarkan lima (5) hari jumlah harga pasaran purata wajar (*Volume Weighted Average Market Price* atau “**VWAMP**”) sebanyak RM8.85 setiap Saham Maybank sehingga dan termasuk 16 April 2012, yang merupakan hari terakhir dagangan sebelum 17 April 2012, sebagai tarikh penetapan harga bagi Harga Terbitan, selepas menyelaraskan yang berikut:

- penyelarasan dividen kasar sebanyak RM0.36 daripada lima (5)-hari **VWAMP** (“**VWAMP Tanpa-Dividén**”); dan
- diskaun sebanyak RM0.49 iaitu lebih kurang 5.77% diskaun daripada **VWAMP Tanpa-Dividén** sebanyak RM8.49.

Jangkaan tarikh bagi terbitan dan peruntukan Saham Maybank baru serta pembayaran dividen tunai kepada pemegang-pemegang saham yang layak adalah pada 4 Jun 2012.

Pemegang-pemegang saham Maybank boleh melayari laman web Maybank (www.maybank.com/drp) untuk maklumat lanjut berhubung **DRP**.

Dengan perintah Lembaga Pengarah

MOHD NAZLAN MOHD GHAZALI
(LS 0008977)

Setiausaha Syarikat

25 April 2012